

Bahaya permainan dalam talian, telefon pintar pada kanak-kanak

UIAM
BERHUJAH

Oleh
Aishah Hanim
Abd. Karim



KES tragis seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun dari Batu Pahat, Johor yang cedera parah akibat dikelar dengan objek tajam dipercayai berpunca daripada pengaruh tingkah laku permainan dalam talian, telah mencetuskan kebimbangan masyarakat terhadap pendedahan kanak-kanak kepada kandungan digital tanpa pengawasan.

Ketika pihak polis menjalankan siasatan di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan dan Seksyen 31(1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 berkaitan kecuai, persoalan utama yang timbul adalah: Bagaimana seorang kanak-kanak boleh terpengaruh dengan permainan dalam talian sehingga keganasan menjadi realiti?

Dari sudut psikologi, kejadian ini lebih daripada sekadar kes jenayah. Ia merupakan peringatan keras tentang bahaya psikologi yang timbul apabila kanak-kanak terdedah terlalu awal kepada dunia digital tanpa pemantauan.

GARIS KABUR ANTARA KHAYALAN DAN REALITI

Kanak-kanak di bawah usia 12 tahun masih berada dalam fasa perkembangan kematangan kognitif, iaitu keupayaan berfikir secara kritikal, mengawal dorongan diri atau impuls, serta membezakan antara fantasi dan realiti. Pada peringkat umur ini, bahagian otak yang mengawal penaklukan dan pengawalan emosi, iaitu *prefrontal cortex*, masih dalam proses awal perkembangan.

Apabila kanak-kanak pada tahap ini terdedah kepada permainan dalam talian yang mengandungi unsur keganasan, agresif atau persaingan melampau, mereka cenderung untuk meniru tingkah laku tersebut (satu proses yang dijelaskan melalui Teori Pembelajaran Sosial Bandura dalam bidang psikologi), tanpa mengetahui dan memahami implikasi akibat perbuatannya.



BAHAYA psikologi yang timbul apabila kanak-kanak terdedah terlalu awal kepada dunia digital tanpa pemantauan.

“Pendekatan “lepas tangan” terhadap penggunaan teknologi ini boleh membawa kepada penyahpekaan emosi, kelemahan kawalan diri, dan kecenderungan meniru tingkah laku ganas yang dilihat di alam maya.”

Lama-kelamaan, pendedahan berterusan ini boleh menormalkan tingkah laku agresif dan mengurangkan keupayaan empati, terutamanya apabila tiada orang dewasa yang membantu mereka untuk memahami konteks sebenar dari apa yang mereka lihat di skrin.

‘PENJAGA DIGITAL’ MENGGANTIKAN PENGAWASAN SEBENAR

Dalam kehidupan moden yang serba terhubung, telefon pintar kini berfungsi sebagai “penjaga digital.” Ibu bapa yang sibuk dengan urusan kerja dan rumah tangga sering

kali membiarkan anak-anak menggunakan peranti tanpa had, dengan tanggapan ia sekadar hiburan tidak berbahaya.

Namun, permainan dalam talian seperti *Roblox* atau *Free Fire* direka dengan elemen rangsangan tinggi dan sistem ganjaran segera yang boleh menyebabkan ketagihan, khususnya kepada minda kanak-kanak yang masih pesat berkembang.

Pendekatan “lepas tangan” terhadap penggunaan teknologi ini boleh membawa kepada penyahpekaan emosi, kelemahan kawalan diri dan kecenderungan meniru tingkah laku ganas yang dilihat di alam maya. Kesannya bukan sekadar perubahan tingkah laku, tetapi juga pemikiran kanak-kanak terhadap dunia luar, di mana tingkah laku agresif dan ganas dianggap normal dan empati semakin pudar.

TAUTAN YANG HILANG: KEIBUBAPAAN DIGITAL

Menyalahkan teknologi semata-mata adalah terlalu mudah. Apa yang sebenarnya hilang adalah kemahiran keibubapaan digital, yang merupakan satu kemahiran penting yang perlu dikuasai dengan segera oleh keluarga moden pada masa kini.

Ibu bapa perlu memainkan peranan aktif dengan: Menetapkan had masa penggunaan peranti serta

mewujudkan “zon tanpa gajet” di rumah. Menggunakan kawalan ibu bapa (*parental control*) dan memantau aplikasi yang digunakan anak. Berbincang secara terbuka tentang kandungan dalam talian bagi membantu anak menilai apa yang mereka lihat.

Yang paling penting adalah dengan menunjukkan contoh penggunaan peranti yang sihat melalui teladan sendiri.

Kanak-kanak belajar lebih banyak melalui pemerhatian daripada mendengar arahan. Apabila mereka melihat orang dewasa asyik menatal telefon tanpa henti, mereka belajar bahawa teknologi lebih penting dan berkuasa daripada hubungan manusia.

PERANAN DASAR: PENCEGAHAN BERMULA DENGAN KESEDARAN

Di luar institusi keluarga, kerajaan dan institusi pendidikan juga memikul tanggungjawab besar. Malaysia perlu segera memperkenalkan langkah-langkah berikut:

Garis panduan berdasarkan umur bagi penggunaan telefon bimbit dan akses kepada permainan dalam talian.

Modul literasi digital di sekolah yang mendidik murid dan ibu bapa tentang risiko serta keselamatan dunia siber.

Pengesahan umur wajib

dan pengawalan kandungan yang lebih ketat terhadap pembangun permainan serta gedung aplikasi.

Walaupun cadangan untuk melarang penggunaan telefon pintar bagi anak-anak di bawah umur 16 tahun kelihatan menarik, langkah itu kurang praktikal dalam era digital masa kini. Sebaliknya, pendekatan yang lebih realistik ialah melalui sistem kawalan berperingkat yang membenarkan penggunaan secara terarah dan berpendidikan, sambil menghadkan akses kepada kandungan berbahaya. Langkah ini menawarkan penyelesaian yang lebih seimbang untuk jangka panjang.

TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Kes ini bukan sekadar tragedi bagi sebuah keluarga, tetapi cerminan kepada kelalaian digital masyarakat yang semakin membimbangkan. Setiap kanak-kanak yang memegang telefon pintar memiliki akses kepada “pintu” dunia maklumat dan bahaya. Tanpa bimbingan, dunia itu mampu membentuk mereka dengan cara yang tidak pernah kita bayangkan.

Ibu bapa perlu memainkan peranan mereka sebagai benteng pertama dalam pendidikan emosi dan moral anak-anak, manakala pembuat dasar, pendidik, dan penyedia platform digital harus berganding bahu membina sebuah ekosistem yang selamat dan beretika untuk generasi muda.

Ketika kita bersedih dengan kejadian yang berlaku di Batu Pahat, biarlah ia menjadi peringatan bahawa teknologi bukanlah musuh sebenar. Sebaliknya, kealpaan kitalah punca utama. Hanya melalui kesedaran, pengawasan, dan kasih sayang, barulah kita dapat memastikan imaginasi anak-anak kekal sebagai sumber kreativiti, bukan malapetaka.

PROFESOR Madya Dr. Aishah Hanim Abd. Karim ialah Pakar Psikologi Pendidikan di Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau menumpukan penyelidikannya dalam bidang perkembangan kanak-kanak, kesihatan mental, serta kesejahteraan keluarga.